

Dari Lembaran Sejarah Islam:

Usāmah bin Munqidh

Orang semua kenal siapa dia Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī pahlawan Islam yang berasal dari darah keturunan bangsa Kurdi yang memimpin tentera Islam dalam peperangan Salib di kota al-Mansūrah, tetapi banyak orang belum kenal kepada Usāmah bin Munqidh rakan seperjuangan Ṣalāh al-Dīn yang tidak kurang gagahnya dan keberaniannya dari Ṣalāh al-Dīn.



Siapa Dia Usāmah?

Usāmah bin Munqidh adalah salah seorang pahlawan Islam yang kehandalan dan keberaniannya dapat menandingi pahlawan Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī, beliau adalah rakan seperjuangan Ṣalāh al-Dīn, sama-sama bertempur di medan peperangan Salib (iaitu peperangan yang berlaku di antara orang-orang Islam dengan orang-orang Kristian di bumi Mesir).

Selain dari menjadi seorang pahlawan yang biasa bertempur di medan peperangan, beliau juga adalah seorang sasterawan dan ahli sejarah yang terkemuka di zaman itu. Kedua ibu bapanya sentiasa berdiri di sampingnya memberikan segala bantuan dan meniupkan semangat keperwiraan ke dalam jiwanya sewaktu menghadapi musuh di medan pertempuran.

Melihat keperwiraan Usāmah di dalam peperangan Salib itu, mengingatkan kita kepada keperwiraan pahlawan Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī ketua turus agung angkatan bersenjata tentera-tentera Muslimin di dalam peperangan tersebut. Keperwiraan yang kita maksudkan itu bukan sahaja dari sudut keberanian dan kepahlawanan, tetapi juga dari segi akhlak, ketinggian budi pekerti dan kebijaksanaan berfikir dalam soal

mengatur bala tentera di medan pertempuran untuk menghadapi musuh-musuh yang lebih gagah, lebih banyak bilangannya dan lebih lengkap alat senjatanya.

Pada ketika berlakunya peperangan Salib ini keadaan politik negara di kota Baghdad sedang bergolak dengan kancangnya; lantaran pembesar-pembesar negara yang terdiri dari orang-orang yang berdarah keturunan Arab dengan yang bukan Arab sedang berebut-rebut kuasa untuk memegang teraju pemerintahan negara. Begitu pula halnya di Mesir – di kota Kaherah – khalifah dari kerajaan al-Fāṭimī dan pembesar-pembesar negeri sedang bertelingkah sesama sendiri berebut-rebut hendak memegang kekuasaan di dalam negeri itu. Demikian pula di negeri Syam siasahnya kucar-kacir hampir-hampir serupa dengan keadaan politik yang berlaku di dalam negeri Iraq dan Mesir itu.

Ketegangan suasana politik yang sedang bergolak di Baghdad, Mesir dan Syam itu sangatlah membimbangkan perasaan pahlawan-pahlawan Islam yang sedang berjuang mati-matian di medan perang Salib itu; terutama oleh Ṣalāh al-Dīn dan Usāmah yang sedang memimpin bala tentera Muslimin di medan pertempuran menentang angkatan perang Kristian yang begitu besar dan gagah

itu. Meskipun hebat godaan yang menekan jiwa kedua-dua pahlawan Islam itu, namun begitu kedua-duanya terus juga mengadakan perlawanan-perlawanan yang sengit untuk menentang musuh dengan semangat yang cekal dan hati yang tabah.

Pasukan Tentera Usāmah

Usāmah diberi tugas memimpin satu pasukan (batalion) tentera Muslimin, sebagaimana juga rakan seperjuangannya Ṣalāh al-Dīn ditugaskan mengawasi dan mengawal pergerakan seumum bala tentera yang berada di medan pertempuran itu. Keberanian tentera Muslimin yang di bawah pimpinan Usāmah yang berasal dari darah keturunan Arab sejati itu kadangkala dapat mengatasi keberanian tentera-tentera yang dipimpin oleh panglima-panglima perang yang lain, hatta dapat menandingi keberanian tentera-tentera Muslimin yang di bawah pimpinan Ṣalāh al-Dīn yang berasal dari darah keturunan al-Kurdī itu; kerana kedua-dua pahlawan Islam yang berjuang di dalam satu medan pertempuran itu adalah berasal dari keturunan bekas para pejuang di zaman silam. Ayah Usāmah adalah bekas seorang pejuang kebangsaan yang terkenal. Berhubung dengan ayah Ṣalāh al-Dīn meskipun kita tidak dapat mengetahui dengan tepat tentang

riwayat hidupnya, tetapi ahli-ahli sejarah lebih percaya bahawa beliau adalah dari keturunan para pahlawan yang muncul di zaman silam.

Keluarga Usāmah

Keluarga Usāmah memang terkenal dari dua belah pihak – pihak ayah dan pihak ibunya – selain dari bekas seorang pahlawan tanah air atau sekurang-kurangnya bekas seorang pejuang bangsa – ia adalah seorang penunggang kuda yang mahir, seorang pujangga dan seorang penyair yang berbakat; kegemarannya dalam hidup ialah pergi berburu binatang ke dalam hutan belantara yang tebal. Sifat-sifatnya yang terpuji sebagai seorang yang soleh dan takwa. Sewaktu ia berehat-rehat selepas berburu, ia selalu duduk-duduk di pinggir jalan di bawah pohon-pohon kayu yang besar dan rendang sambil membaca kitab suci al-Qur’ān. Usāmah sendiri pernah menggambarkan kegemaran dan sifat-sifat ayahnya yang luar biasa itu dengan katanya:

“Kalau ia pergi berburu ia lebih suka menunggang kuda dan mengejar binatang buruannya itu dari atas kuda; kalau berapa lama ia berada di atas kudanya ia kelihatan tidak pernah berasa penat. Dalam sekali tunggangan ia pernah membunuh lima sampai enam binatang buruan. Sewaktu ia berehat ia lebih suka duduk di bawah pohon-pohon kayu yang rendang sambil membaca ayat-ayat suci al-Qur’an al-Karim; sedang kami asyik berburu di sekelilingnya...”

Ibunya juga seorang wanita yang mempunyai semangat cintakan tanah air dan suka berjuang di samping tentera-tentera yang sedang menjalankan tugas di medan-medan

pertempuran; selalunya dialah tukang membahagi-bahagikan alat-alat senjata kepada perajurit-perajurit yang akan berangkat pergi ke medan perjuangan.

Menurut sejarah, pada suatu hari benteng tempat tentera-tentera Muslimin bertahan telah dikepung oleh musuh dari segala jurusan. Pada ketika itu ibu Usāmah berada di dalam benteng itu bersama-sama dengan seorang anak perempuannya. Manakala diketahuinya bahawa benteng itu dikepung musuh, maka ia pun terus naik ke atas anjung benteng itu dengan membawa anak perempuannya itu bersama-sama. Pada ketika itu Usāmah pun tiba ke tempat itu dengan tujuan hendak mengambil senjata. Manakala dilihatnya ibu bersama-sama dengan adiknya berada di atas anjungan benteng yang tinggi itu, maka ia pun



Usāmah bin Munqidh

terus bertanya: “Mengapa ibu dan adiknya itu berada di atas anjungan benteng ini?” Mendengar pertanyaan Usāmah itu ibunya lantas menjawab:

“Wahai anakku! Kalau musuh itu dapat menawan benteng ini, maka adikmu ini aku tolakkan ke jurang batu yang berada di bawah benteng ini. Aku lebih suka melihat ia mati tersungkur jatuh dari benteng pertahanan kita ini daripada melihat ia diperkosa dan dinodai kehormatannya oleh tentera-tentera musuh kita yang bengis dan kejam itu.”

Berpindah Dari Syam Ke Mesir

Sebelum menjejaki bumi Mesir, Usāmah adalah bertugas di bumi Syam di kota Damsyik bersama-sama dengan rakan

seperjuangannya Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī. Setelah keadaan mendesak ia terpaksa mengikuti perintah ketuanya Ṣalāh al-Dīn untuk meneruskan tugas perjuangannya di bumi Mesir.

Sewaktu berada di Mesir Usāmah mendapat sambutan meriah dari seluruh rakyat; dia diberikan penghormatan yang luar biasa sekali. Ini setelah rakyat mengetahui bahawa Usāmah adalah seorang pahlawan Islam yang gagah berani, berbudi bahasa baik dan mempunyai budi pekerti yang tinggi mulia, serta menjadi tangan kanan kepada pahlawan yang mereka kasihi Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī.

Ketika mendapat sanjungan yang begitu tinggi dari seluruh rakyat Mesir, Usāmah semakin pandai menjaga maruahnya untuk menyesuaikan dirinya dengan masyarakat di negeri itu; ia tidak berlaku sombong dan bongkak, tidak pernah membesarkan diri terhadap orang-orang tingkatan bawah, dan tidak mahu bermuka-muka dengan orang-orang tingkatan atas. Sifat-sifat yang tinggi mulia inilah yang menjadi hati dan jiwa rakyat Mesir lebih tertarik dan lebih kasih kepadanya.

Dapat Fitnah

Walau bagaimana cermat dan pandainya seseorang itu menjaga diri dan kehormatannya, namun kalau ada di sana hati kotor yang cuba hendak menjerumuskannya ke jurang kecelakaan, maka lambat laun usaha yang durjana itu akan berkesan juga kepada diri orang yang hendak dijerumuskan itu.

Begitu pulalah halnya dengan diri

Usāmah dengan sebab kejujurannya itu, ia telah menjadi mangsa orang-orang yang dengki dan khianat di atas sifat kejujuran yang dimilikinya itu. Dengan tidak disangka-sangka ia telah ditohmah oleh salah seorang pengawal peribadi sultan mengadakan suatu pakatan sulit dengan Abū Faḍl ‘Abbās bin Yaḥyā hendak menggulingkan sultan dan membunuh baginda dengan tujuan untuk merampas kuasa kerajaan dari tangan baginda. Fitnah inilah yang menyebabkan Usāmah diusir dari bumi Mesir oleh pihak yang berkuasa negeri itu. Meskipun ia terpaksa keluar dari bumi Mesir yang dicintainya; namun begitu ia sangat berasa bangga kerana ia telah berhasil meruntun segenap jiwa rakyat Mesir agar mencintainya dengan segenap hati dan perasaan.

Setelah berita pengusiran Usāmah itu diketahui oleh Ibn Rāzīk (Gabenor kota al-Manṣūrah), kota tempat ia berjuang melawan tentera Kristian di dalam peperangan Salib di samping sahabat dan ketua yang dicintainya pahlawan Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī, maka tuan gabenor itu pun terus mengutus sepucuk surat kepada Menteri Besar memohon supaya Usāmah tidak diusir keluar dari bumi Mesir. Tetapi permintaannya itu tidak diterima oleh pihak Menteri Besar dengan alasan bahawa Usāmah adalah seorang pahlawan yang bersalah melanggar undang-undang negeri Mesir.

Kemudian dari keputusan yang akhir ini diterima oleh Gabenor al-Manṣūrah, maka atas perbelanjaannya sendiri pahlawan Usāmah pun dihantar pulang ke negeri Syam tanah tempat tumpah darah asalnya, dan segala perbelanjaan

hidupnya di Syam dibiayai oleh gabenor Ibn Rāzīk.

Begitulah segelintir kisah pendek tentang riwayat perjuangan Usāmah bin Munqidh seorang pahlawan Islam yang sama-sama berjuang mempertahankan kesucian Islam dari diceroboh oleh tentera-tentera Kristian yang datang menyerang orang-orang Islam di dalam peperangan Salib.

Kata-kata Hikmah

Kesihatan itu ibarat mahkota di atas kepala, seseorang manusia itu tidak dapat menilai harga kesihatan itu melainkan apabila ia telah merasai sakit. – al-Hakīm.

* * *

Aku mendapat faedah daripada musuhku lebih banyak daripada yang aku perolehi daripada sahabatku, kerana musuhku itu selalu mengejek-ejek dan menunjukkan cacat cela yang ada pada diriku serta menyedarkan aku yang berada di dalam kesalahan, sehingga aku insaf akan kesalahan diriku itu. Tetapi sahabatku selalu memandang baik di atas segala kesalahan-kesalahan yang aku lakukan dan membiarkan aku berada di dalam kesalahan itu. – Iskandar.

* * *

Asia mestilah bersatu tetapi bukan untuk menyerang Barat, malahan untuk menjamin kemerdekaan tiap-tiap negara di Asia. Dunia ini tidak boleh menjadi setengah perhambaan dan setengah merdeka. – Jawaharlal Nehru.

* * *

Negeri yang paling banyak sekali menggunakan perkakas yang diperbuat daripada besi ialah Sweden.